

D093

U B839 AAB
MAHATHIR - KEMBOJA R R R

SUBANG, 14 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP PERSETUJUAN YANG DICAPAI OLEH EMPAT PIHAK YANG BERTENTANGAN DI KEMBOJA, AKAN MERINTIS JALAN KE ARAH MENAMATKAN PERSENGKETAAN DI NEGARA ITU.

SAMBIL MENYIFATKANNYA SEBAGAI PERKEMBANGAN YANG BAIK, PERDANA MENTERI BERKATA PIHAK TERBABIT DIHARAPKAN DAPAT SEGERA BERUNDING SUPAYA MASALAH SIAPA YANG AKAN MEWAKILI NEGARA ITU DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DISELESAIKAN.

BELIAU DIMINTA MENGULAS PERSETUJUAN KEEMPAT-EMPAT PIHAK ITU UNTUK MENERIMA DOKUMEN RANGKA KERJA YANG DISEDIAKAN OLEH LIMA ANGGOTA TETAP MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) PADA MESYUARAT TIDAK RASMI MENGENAI KEMBOJA DI JAKARTA.

PERDANA MENTERI BERCAKAP KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI HARI INI SEKEMBALINYA DARI LAWATAN RASMI EMPAT HARI KE KOREA SELATAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA MALAYSIA BERSEDIA MENGHANTAR ANGGOTA TENTERA MENYERTAI PASUKAN PENGAMAN KE NEGARA ITU, BELIAU BERKATA MALAYSIA AKAN BERBUAT DEMIKIAN SEKIRANYA DIMINTA DAN DIPERSETUJUI OLEH NEGARA-NEGARA SAHABAT. -- LAGI.

MAHATHIR - KEMBOJA 2 SUBANG R R R

MENGENAI LAWATANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERSETUJU MEMENUHI PERMINTAAN KOREA SELATAN UNTUK MEMBEKALKAN LEBIH BANYAK MINYAK MENTAH MEMANDANGKAN NEGARA ITU MENGHADAPI KEKURANGAN BEKALAN EKORAN KRISIS TELUK.

BAGAIMANAPUN, BEKALAN TAMBAHAN ITU BELUM DAPAT DITENTUKAN KERANA MALAYSIA JUGA TERPAKSA MEMENUHI PERMINTAAN BEBERAPA NEGARA SEPERTI BANGLADESH, FILIPINA, PAKISTAN DAN INDIA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBENARKAN PETRONAS MENINGKATKAN PENGELUARAN MENGIKUT KEMAMPUANNYA UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN TAMBAHAN DARIPADA NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

KATANYA, KERAJAAN KOREA SELATAN PULA BERSETUJU MENIMBANGKAN PERMINTAAN MALAYSIA UNTUK MENDAPATKAN HAK PENDARATAN TAMBAHAN BAGI PENERBANGAN MALAYSIA.

KATANYA, PRESIDEN ROH TAE-WOO JUGA BERSETUJU MENURUNKAN CUKAI IMPORT MINYAK SAWIT SUPAYA MENYAMAI CUKAI MINYAK KELAPA. -- LAGI.
1813MST 14 09 90

D098

U B849 AAB
MAHATHIR - KEMBOJA 3 SUBANG

KATANYA, KOREA SELATAN JUGA BERJANJI MEMPERUNTUKKAN AS\$1 JUTA UNTUK PEMBINAAN SEBUAH PUSAT PELAJARAN BAHASA KOREA DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN HUBUNGAN ERAT ANTARA KEDUA-DUA NEGARA AKAN BERTAMBAH BAIK EKORAN LAWATANNYA ITU TERUTAMA DARIPADA SEGI MENGGALAKKAN PELABURAN DAN PERDAGANGAN.

SEMASA LAWATAN ITU, SYARIKAT HYUNDAI BERSETUJU MENINGKATKAN PELABURANNYA DI MALAYSIA DAN SUDAH MENANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN SIME DARBY UNTUK MENAMBAH MODAL SEBANYAK DUA KALI GANDA DALAM KILANG PERABOT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENYOKONG USAHA KERAJAAN KOREA SELATAN UNTUK MENYATUKAN SEMENANJUNG KOREA SERTA PENYERTAAN MEREKA DALAM PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB). -- BERNAMA.